

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	20 NOVEMBER 2016

PERHIMPUNAN HARAM

# Tun M boleh didakwa ikut Akta Hasutan

BH - 20/11/2016

➔ Polis berhak tahan jika terbukti bekas PM berucap ajak orang ramai sertai perhimpunan



Polis menahan mereka kerana ada alasan munasabah satu tindakan jenayah akan berlaku, maka polis boleh bertindak (menahan) mengikut undang-undang sedia ada"

**Abdul Halim Sidek,** Setiausaha Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa, MPN

➔ Kuala Lumpur

**P**olis berhak menahan Tun Dr Mahathir Mohamad jika terbukti bekas Perdana Menteri itu mengeluarkan ucapan berbau hasutan yang boleh mengancam ketenteraman negara.

Setiasaha Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Majlis Profesor Negara (MPN), Prof Datuk Dr Abdul Halim Sidek, berkata undang-undang terpakai kepada semua pihak tanpa mengira kedudukan dan pangkat seseorang.

"Jika benar Tun Mahathir ada berucap mengajak orang ramai menyertai perhimpunan haram Bersih 5, maka bekas Perdana Menteri itu boleh ditahan dan didakwa mengikut Akta Hasutan.

"Beliau boleh didakwa menghasut



**Dr Mahathir menyampaikan ucapan sempena perhimpunan Bersih 5** sambil diiringi Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tan Sri Muhyiddin Yassin (kanan) dan Datuk Seri Mukhriz Mahathir berhampiran KLCC, semalam.

rakyat melakukan perbuatan durjana kepada negara dan kedua, menggalakkan masyarakat melakukan kesalahan jenayah untuk menyertai perhimpunan haram," katanya kepada BH di sini, semalam.

**Galak rakyat lakukan jenayah**

Dr Mahathir dilaporkan muncul dalam sebuah video dengan memakai kemeja-T kuning Bersih dan menyeru semua rakyat Malaysia supaya menyertai perhimpunan haram itu.

Klip berkenaan dikeluarkan pada 16 November lalu di laman Facebook seorang pemimpin pembangkang, beberapa hari selepas Dr Mahathir memakai lencana *Free Anwar Now* (Bebaskan Anwar Sekarang) pada konvensyen parti pembangkang di

Selangor, minggu lalu.

Sementara itu, dalam perhimpunan Bersih 5 berhampiran Kuala Lumpur City Centre (KLCC) semalam, Dr Mahathir turut mengajak rakyat untuk menjatuhkan Datuk Seri Najib Razak sebagai Perdana Menteri kononnya menyalahgunakan kuasa dan pelbagai tuduhan lain.

Sementara itu, Abdul Halim berkata, penahanan Pengerusi Bersih 2.0, Maria Chin Abdullah dan pemimpin lain termasuk dari Gerakan Baju Merah adalah sah di sisi undang-undang.

**Gugat ketenteraman negara**

Beliau berkata, tindakan awal polis itu bertujuan untuk mengekang elemen keganasan dan huru hara da-

ripada berlaku dalam negara.

Katanya, pihak polis membuat penahanan itu selepas mendapat maklumat yang Maria Chin dan pemimpin lain menerima dana dari luar negara bagi melakukan aktiviti yang boleh menggugat ketenteraman negara.

"Aktiviti (perhimpunan) ini adalah satu kesalahan mengikut Bab 6 dan 6A Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA).

"Polis menahan mereka kerana ada alasan munasabah satu tindakan jenayah akan berlaku, maka polis boleh bertindak (menahan) mengikut undang-undang yang sedia ada," katanya.